



فَرَسْتِيدُ غَزَنٍ وَغَنَوَادُ اِنْجَالِيْسِيْرٍ وَغَبَوَالِ
وَمُحَمَّدُ كَرِيْمُ اِنْجَالِيْسِيْرٍ وَغَبَوَالِ اِنْجَالِيْسِيْرٍ
يَا اَسْنِ اِسْلَامِ كَلْتَن



PRINSIP PERAKAUNAN
3756/2
Kertas 2
Ogos 2025
2 jam 30 min

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2025 M / 1447 H**

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN KEPADA CALON

1. Bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Untuk kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak

SULIT

BAHAGIAN A
(60 MARKAH)

PPC 2025 - YIK

Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan bagi setiap urus niaga berikut:

- (i) Membeli alatan pejabat RM2000 secara tunai untuk kegunaan perniagaan.
- (ii) Menjual barang niaga bernilai RM3500 secara kredit kepada Razak.

(2 markah)

- (b) Berdasarkan butir berikut, tentukan sama ada aset atau liabiliti.

	Aset / Liabiliti
Komisen Belum Terperoleh	
Sewa Prabayar	

(2 markah)

- (c) Nyatakan akaun berkaitan bagi kedua-dua catatan kontra di bawah:

Akaun Kontra	Akaun Induk
	Akaun Modal
Pulangan Keluar	

(2 markah)

- (d) Perniagaan Setiakawan menerima invoice bagi pembelian barang niaga bernilai RM3500 yang bertarikh 16 Ogos 2025 daripada Maju Enterprise. Syarat-syarat yang dikenakan ialah diskaun niaga 20%, diskaun tunai 10% 7 hari dan 5% 14 hari.

Hitung jumlah yang perlu dijelaskan sekiranya Perniagaan Setiakawan membuat bayaran pada 23 Ogos 2025.

(2 markah)

- (e) Kelab memanah MASA memberikan maklumat berikut:

Bilangan ahli	100 orang
Yuran tahunan setiap ahli	RM50
Yuran ahli belum terima pada akhir tahun perakaunan	RM200

Kirakan yuran tahunan

(2 markah)

SULIT

2. Afqah, Fatin dan Syazwani adalah rakan kongsi Perkongsian AFS yang bersetuju untuk berkongsi untung atau rugi secara sama rata.
- Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:
 - Faedah atas modal 4% setahun berasaskan baki modal awal.
 - Faedah atas ambilan 6% setahun bermula dari tahun ambilan dibuat.
 - Faedah atas pinjaman pekongsi 7% setahun.
 - Gaji pekongsi Syazwani RM16 000 setahun dikredit ke akaun semasa.

Berikut adalah maklumat perniagaan pada 1 September 2024:

Butiran	Afqah RM	Fatin RM	Syazwani RM
Akaun Modal	60 000	50 000	40 000
Akaun Semasa	3 600	1 750 (Dt)	2 100
Pinjaman untuk perkongsian (dibayar pada 2033)	50 000	20 000	-

Untung bersih sebelum pelarasan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2025 ialah RM50 307.

Perkara berikut perlu diambil kira untuk menyelaraskan untung bersih:

- Faedah atas pinjaman pekongsi
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas Akaun Belum Terima.

Pekongsi memberikan maklumat berikut selepas penyediaan akaun penamat bagi tempoh perakaunan yang sama.

	RM
Peruntukan hutang ragu	1 625
Bank	5 872
Inventori	39 000
Belanja Belum Bayar	2 740
Belanja Prabayar	650
Bangunan, Mesin dan Peralatan	236 500
Susut Nilai Terkumpul Bangunan, Mesin dan Peralatan	23 900
Akaun Belum Bayar	26 300
Akaun Belum Terima	34 800

Maklumat tambahan:

Afqah membuat ambilan dengan cek bernilai RM8 000 pada 1 Januari 2025 dan RM4 000 pada 1 Julai 2025.

Anda dikehendaki:

- Menghitung untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 31 Ogos 2025. (3 markah)
- Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2025. (4 markah)
- Menyediakan Akaun Semasa (beruangan) (10 markah)
- Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2025. (8 markah)

3. Maklumat di bawah ini diambil daripada buku perniagaan Maznah. Beliau menghadapi masalah untuk menyediakan Penyata Kewangan kerana tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat daripada buku perniagaannya.

	1 Julai 2024	30 Jun 2025
	RM	RM
Lengkapan	7 300	8 920
Kenderaan	14 300	?
Inventori	5 420	5 650
Akaun Belum Terima	4 860	4 640
Bank	4 680	?
Tunai	-	?
Akaun Belum Bayar	4 660	5 050
Sewa Prabayar	3 500	2 900
Komisen Belum Terima	3 080	2 550
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	2 670

Berikut adalah petikan Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai:

JURNAL PENERIMAAN TUNAI

Butir	Tunai	Bank	Akaun Belum Terima	Jualan	Lain-lain Akaun
Akaun Belum Terima	7 860		7 860		
Komisen		3 660			3 660
Modal		10 000			10 000
Akaun Belum Terima		12 300	12 300		
Jualan	14 450			14 450	

JURNAL PEMBAYARAN TUNAI

Butir	Tunai	Bank	Akaun Belum Bayar	Belian	Lain-lain Akaun
Gaji		5 750			5 750
Kadar Bayaran	3 520				3 520
Sewa		8 900			8 900
Insurans	3 580				3 580
Belian		4 680		4 680	
Ambilan	3 540				3 540
Akaun Belum Bayar		12 180	12 180		
Lengkapan		3 820			3 820

Maklumat tambahan:

(i) Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2025.

	RM
Hutang Lapuk	1 620
Diskaun Diberi	580
Diskaun Diterima	795
Pulangan Jualan	2 360
Pulangan Belian	2 350

(ii) Pada tahun itu, Pn Maznah telah mengambil barang niaga bernilai RM300 sebulan untuk kegunaan keluarga.

(iii) Sebuah kenderaan kegunaan sendiri bernilai RM10 500 yang dibawa masuk ke dalam perniagaan pada 1 November 2024 belum direkod dalam mana-mana buku. Kenderaan disusut nilai 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima (4 markah)
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 (11 markah)
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (10 markah)

BAHAGIAN B**(40 Markah)**

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4. Pada 1 Februari 2024, Syarikat Wanz Berhad menerbitkan syer seperti berikut:

500 000 Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer
300 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Mac 2024. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Syarikat memerlukan modal tambahan. Lembaga pengarah dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk membuat terbitan syer kali kedua. Pada 25 Mac 2024, syarikat menerbitkan 200 000 syer biasa RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan berbayar penuh pada 1 April 2024.

Pada 31 Julai 2024, Lembaga Pengarah Syarikat Wanz Berhad bersetuju untuk membayar dividen interim kepada semua pemegang syer. Dividen syer biasa dibayar pada kadar 5%.

Pada 1 Oktober 2024, Syarikat Wanz Berhad menerbitkan 150 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer bagi menampung kos projek baharu yang diperoleh. Semua syer dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Oktober 2024.

Pada 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan RM0.05 sesyer kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi kedua-dua syer pada tarikh berikut:
 - (i) Terbitan pertama pada 1 Mac 2024 (2 markah)
 - (ii) Terbitan kedua pada 1 April 2024 (1 markah)
 - (iii) Terbitan ketiga pada 31 Oktober 2024 (1 markah)
- (b) Menyediakan catatan lejar bagi merekod terbitan dan pembayaran pertama bagi syer keutamaan. (4 markah)
- (c) Menghitung
 - (i) Dividen Interim (3 markah)
 - (ii) Dividen Akhir (3 markah)
- (d) Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. (4 markah)
- (e) Menyatakan perbezaan antara pemegang syer biasa dengan pemegang syer keutamaan. (2 markah)

SULIT

5. (a) Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Berjaya yang mengeluarkan baju kemeja kanak-kanak.

Unit Keluaran	Jumlah Kos RM	Jumlah Hasil RM
0	40 000	0
2 000	70 000	70 000
4 000	100 000	140 000

Kos tetap diandaikan malar.

- a. Anda dikehendaki menghitung:

i. Kos berubah seunit

(2 markah)

ii. Harga jualan seunit

(2 markah)

iii. Titik pulang modal (unit)

(2 markah)

- b. Berdasarkan jawapan anda di (a), anda dikehendaki melakar graf titik pulang modal dengan menunjukkan:

- Garisan kos tetap
- Garisan jumlah kos
- Garisan jumlah hasil
- Titik pulang modal

(6 markah)

- (b) Maklumat berikut diperoleh dari buku pemiagaan ST Enterprise. Petikan urusan niaga bulan September 2025 adalah seperti berikut:

- i. Pemilik membayar kadar bayaran dengan wang peribadi bernilai RM300.
- ii. Memasukkan wang tunai pemiagaan RM2800 ke dalam bank.
- iii. Membeli barang niaga secara kredit RM5200.
- iv. Menjelaskan hutang kepada pembekal dengan cek RM5 225. Terima diskaun RM275.
- v. Jualan barang niaga secara tunai RM2 450. Sebanyak RM250 digunakan untuk membayar yuran tuisyen anak dan bakinya dibankkan.
- vi. Terima komisen secara tunai RM150.

Lengkapkan jadual persamaan perakaunan seperti dalam Lampiran A.

(8 markah)

- 6 (a). Perniagaan Anggun telah menerima Penyata Bank untuk Bulan Jun 2025 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan buku tunai.

Berikut adalah Penyata Bank untuk Perniagaan Anggun

MAYBANK BHD
42 Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Kelantan

Perniagaan Anggun
134, Jalan Pasir Puteh
16800 Pasir Puteh

No Akaun : 004560127612
Tarikh : 30 Jun 2025

PENYATA BANK

Tarikh	Butir	No Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2025 Jun 1	Baki b/b				5 000
2	Cek	345670	1 300		3 700
3	Cek	345669	1 500		2 200
4	Deposit			800	3 000
5	Buku Cek		30		2 970
7	Deposit			560	3 530
10	Cek	345671	770		2 760
15	Cek	345672	2 000		760
20	Deposit			2 500	3 260
24	Kedai Mawar – Pindahan Kredit			300	3 560
26	Cek	345673	2 130		1 430
28	Arahan Tetap – Insurans		1 200		230
29	Dividen – Syarikat MNO			170	400
30	Cek	345676	460		(60)

Buku Tunai (Ruangan Bank)

2025		RM	2025		No Cek	RM
Jun 1	Baki b/b	3 500	Jun 4	Alatan Pejabat	345670	1 300
2	Jualan	800	6	Promosi	345671	770
3	Hazman Enterprise	650	12	Pemborong Fauzan	345672	2 000
10	Raziah	1 000	20	Belan	345673	2 130
13	Kedai Diana	2 200	25	Perabot	345674	600
17	Jualan	2 500	29	Gaji	345675	2 900
30	Komisen	460	30	Baki h/b		1 410
		11 110				11 110
Julai 1	Baki b/b	1 410				

Maklumat tambahan :

- i) Cek daripada Hazman Enterprise pada 3 Jun 2025 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.
- ii) Cek yang diterima pada 10 Jun 2025 dipulangkan oleh bank kerana tiada tandatangan Raziah.
- iii) Komisen diberi (cek no.345676) pada 30 Jun 2025 telah didebitkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan:

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025 dengan memulakan baki di Buku Tunai tidak dikemaskini.

(10 markah)

6. (b) Kedai Buku Sani menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada 1 Julai 2025. Ketua juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebanyak RM450 pada awal setiap bulan. Berikut ialah maklumat berkaitan penerimaan dan perbelanjaan wang bagi memulakan Buku Tunai Runcit dalam bulan Julai 2025.

Tarikh	Butir	Jumlah RM
2025		
Julai 3	Alat tulis dan kertas	40
5	Bayar belanja membaiki pintu pejabat	80
9	Bungkusan pos laju	40
12	Mesin daftar tunai	300
13	Pinjaman Anis	100
16	Sampul surat	20
26	Surat berdaftar	30
29	Upah mencuci	60

Anda dikehendaki:

- i) Menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Julai 2025 dengan menunjukkan lajur alat tulis, belanja pejabat, pos dan pelbagai di Lampiran B.

(10 markah)

PPC 2025 - YIK

Urus niaga	ASET			LIABILITI + EKUITI			
	Inventori	Bank	Tunai	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih	Ambilan
I							
II							
III							
IV							
V							
VI							

PPC 2025 - YIK

BUKU TUNAI RUNCIT

[illegible]

12

LAMPIRAN B

SULT

PERCUBAAN SPM 2025 PAKAUN K2

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT